

Mahathir: Pegawai2 diberi peluang membaiki prestasi mereka

KUALA LUMPUR, Isnin — Para pegawai Kerajaan yang lemah, lembab dan tidak cekap menjalankan tugas mereka akan diberi peluang yang cukup bagi membaiki prestasi kerja mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad memberitahu Dewan Rakyat semasa menjawab pertanyaan Tengku Noor Asiah Tengku Ahmad (Bntumpat) hari ini bahawa Kerajaan memberi peluang yang cukup sebelum tindakan tata tertib diambil terhadap mereka.

Beliau berkata hukuman dan tindakan tata tertib yang dikenakan dibuat secara berperingkat-peringkat dan juga berdasarkan kepada "seriusnya" satu-satu kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

"Jika perlu demi kepentingan awam mereka boleh dipersarakan mengikut perintah am bab 'D' 44", tambah beliau.

Menurut beliau adalah menjadi hasrat Kerajaan mewujudkan satu perkhidmatan awam yang betul-betul cekap dan berdedikasi serta mempunyai mutu yang tinggi.

Latihan

Katanya, untuk mencapai maksud itu Kerajaan sentiasa mengadakan latihan dan seminar untuk para pegawai awam bertujuan meninggikan lagi disiplin dan motivasi di kalangan mereka.

Sementara itu, Kementerian Pertanian akan memperhebatkan lagi rancangan bantuan input pertanian bagi membantu para petani yang menghadapi kemarau di negeri Kedah.

Timbalan Menteri berkenaan Encik Edmund Langgu memberitahu Dewan Rakyat rancangan ini yang melibatkan bantuan matabenda seperti benih dan baja akan ditumpukan di kawasan-kawasan luar kawasan pengairan Muda.

Beliau berharap rancangan ini akan membantu para petani terlibat menghadapi tanaman padi yang akan datang.

Selain dari ini, bantuan tanaman jangka pendek juga akan diberikan kepada mereka yang terlibat.

Beliau menjelaskan selain dari itu peruntukan \$6.3 juta juga disediakan bagi membantu para petani tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Peluang

Peruntukan ini adalah untuk mengadakan peluang kerja sementara kepada para petani terlibat dalam projek-projek kecil seperti mencuci parit/taliair dan membaiki jalan-jalan ladang dan dalam projek-projek ternakan ayam secara berkelompok.

Timbalan Menteri itu berkata langkah-langkah lain yang diambil ialah membantu para petani tersebut adalah mengurangkan cukai taliair bagi tahun ini. Selain itu, Bank Pertanian Malaysia juga telah melonggarkan syarat pembayaran balik pinjaman kredit jangka pendek pengeluaran padi musim kedua tahun 1977. — Bernama.